

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG

1. Pemohon mestilah **menawarkan tempat penginapan permalaman atau sewa** seperti Hotel, Rumah inapan, Rumah tumpangan, Hotel apartment, Kondotel, Rumah rehat, Rumah Permalaman, Asrama yang menawarkan tempat penginapan permalaman, karavan / rumah bergerak atau mana – mana tempat yang disediakan bagi maksud perkhemahan.
2. Nama Premis Penginapan Pelancong yang digunakan hendaklah **bersesuaian dan melambangkan premis penginapan pelancong**.
3. Pendaftaran adalah bagi Premis Penginapan Pelancong yang telah beroperasi dan sekiranya belum beroperasi, premis hendaklah **100% siap**.

Dokumen – dokumen Yang Perlu Disertakan Semasa Mengemukakan Permohonan

1. Borang permohonan (Borang 1 : Peraturan 3)
2. Jika pemohon sebuah syarikat , sila sertakan :
 - *Sijil Pendaftaran Syarikat
 - *Memorandum Tataurusan Syarikat
 - *Salinan Borang 24 (*Return of Allotment of Shares*) / *Borang 32A (*Transfer of shares* yang terkini).
 - *Salinan Borang 49 (*Return giving particulars in register of director, manager and change of particulars* yang terkini)***Nota: hendaklah disahkan oleh Pendaftar Syarikat**

Jika pemohon **pemilik tunggal**, sila sertakan :
 - Salinan Pendaftaran Perniagaan
3. 3.1 Jika **premis telah beroperasi**:
 - Salinan Lesen Perniagaan Premis Penginapan Pelancongan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; atau
 - Salinan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO); atau
 - Salinan Sijil Pematuhan dan Penyijapan (CCC)

- 3.2 Jika **pemohon membuat perubahan status:**
Bangunan sedia ada yang telah bertukar status – **100% siap**
(Contoh: Rumah kedai kepada hotel)
- Salinan dokumen kelulusan tukar status bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan
 - Gambar-gambar terkini bangunan yang telah siap 100%
- 3.3 Jika pemohon belum beroperasi (**projek pelancongan** yang telah siap **100% pembinaan**)
- Kelulusan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (salinan pelan bangunan disertakan)
 - Gambar-gambar terkini bangunan yang telah siap 100%
4. Sijil keahlian Persatuan Premis Penginapan Pelancong. Pengusaha premis hendaklah **berdaftar sebagai salah satu ahli persatuan hotel** iaitu *Malaysian Association of Hotels (MAH)*, atau *Malaysia Budget Hotel Association (MBHA)* atau *Malaysian Association Hotel Owners (MAHO)*.

Sijil Pendaftaran

Akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan setelah berpuashati dengan kesesuaian premis dan pemohon.

Perkara – perkara Dalam Menentukan Kesesuaian Pemohonan

Pesuruhjaya Pelancongan dalam menentukan kesesuaian permohonan akan mengambil kira:

1. Jenis Premis Penginapan;
2. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan atau ditawarkan;
3. Bilangan dan pengalaman kakitangan hendaklah bersesuaian dengan saiz premis dan perkhidmatan yang ditawarkan;
4. Aspek – aspek keselamatan bangunan; dan
5. Keahlian dalam Persatuan Hotel yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL).

Piagam Pelanggan: 5 hari bekerja

Fi yang perlu dibayar

1. Fi pemprosesan sebanyak **RM20.00** hendaklah dikemukakan **semasa MEMOHON**
2. Fi pendaftaran sebanyak **RM50.00** hendaklah dijelaskan **setelah permohonan pendaftaran DILULUSKAN.**

***NOTA:**

- i. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk bank draf/kiriman wang/wang pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan, Kementerian Pelancongan Malaysia.
- ii. Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang bank draf/kiriman wang/wang pos berkenaan.
- iii. KPL boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan dan kelancaran proses pendaftaran

**Unit Premis Penginapan Pelancong
Bahagian Pelesenan Pelancongan
Kementerian Pelancongan Malaysia**
Tarikh kemaskini: 27 Disember 2012